

▼20/05/20-12MST

U GB 20-05 00151 BH936

aab

Mahathir - Kedutaan

M'SIA TUNGGU LAPORAN MENGENAI SERANGAN KE ATAS KEDUTAAN DI KEMBOJA

ALOR SETAR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menunggu hasil penyiasatan Kerajaan Kemboja berhubung kejadian serangan bom tangan ke atas Kedutaan Malaysia di Phnom Penh pagi semalam.

Perdana Menteri berkata: "Kita hendak tahu sama ada benar (serangan itu) ditujukan kepada Malaysia ataupun kepada orang lain.

"Yang keduanya, kalau ditujukan kepada kedutaan Malaysia, siapa dia (yang bertanggungjawab) dan apa sebabnya," katanya kepada wartawan yang menunggu ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini petang ini.

Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pulang untuk menyambut Hari Raya Aidil Adha esok di kediaman mereka di Titi Gajah di sini.

Beliau berkata setakat ini Malaysia belum diberitahu mengenai pihak yang bertanggungjawab terhadap serangan itu. -- Lagi

▼20/05/19-37MST

U GB 20-05 00120 BH937

aab

Mahathir - Kedutaan 2 Alor Setar

Dr Mahathir berkata kerajaan Kemboja tentu akan menyiasat kejadian itu. Beliau berkata keselamatan di kedutaan Malaysia akan dipertingkatkan jika difikirkan keadaan di sana berbahaya.

Perdana Menteri berkata beliau belum menerima laporan lengkap mengenai kejadian itu tetapi telah diberitahu secara lisan semalam.

Semasa diminta mengulas keputusan Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dilaporkan akan menentang kemasukan Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS) ke dalam Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata ia bergantung kepada keputusan BN.

"Saya tidak boleh memberi ulasan sama ada saya bersetuju ataupun tidak kerana ini bergantung kepada keputusan parti-parti komponen Barisan Nasional." -- Lagi

▼20/05/19-50MST

U GB 20-05 00146 BH938

aab

Mahathir - Kedutaan 3 Alor Setar

"Saya percaya semua parti akan mengikut pendapat ramai...kita kira "consensus" tetapi walaupun "consensus" biasanya parti-parti menurut pendapat ramai," katanya.

Semasa ditanya sama ada sesebuah parti itu boleh diterima jika terdapat tentangan oleh hanya sebuah parti komponen, beliau berkata biasanya ia tidak boleh masuk tetapi jika satu parti sahaja yang tidak bersetuju sedangkan yang lain bersetuju, (akhirnya) dia akan bersetuju.

Dr Mahathir juga berkata parti-parti yang ditentang kemasukannya ke dalam BN masih mempunyai harapan untuk menganggotainya.

Ditanya sama ada beliau lebih suka parti-parti itu bergabung, Dr Mahathir berkata beliau lebih suka sekiranya parti-parti itu dapat bergabung dan menerima kepimpinan mana-mana satu parti.

"Ya, kalau mereka boleh "merge", kalau mereka boleh terima kepimpinan mana-mana seorang daripada mereka, itu baiklah, tapi kalau dia tak boleh "merge" kita kena terimalah," katanya. -- Lagi

▼20/05/20-05MST

CNS4640

U GB 20-05 00181 BH939

aab

Mahathir - Kedutaan 4 Alor Setar

Perdana Menteri turut diminta mengulas kenyataan Setiausaha Negara di Kementerian Luar Britain Douglas Hogg Rabu lepas bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mungkin mengundurkan tenteranya dari Bosnia kecuali pihak-pihak yang bersengketa menyelesaikan perbalahan dalam tempoh lapan minggu.

"Kalau mereka tidak sanggup melihat tentera mereka menghadapi bahaya, apa guna kita hendak menyuruh mereka berada di sana. Kalau dia ada di sana pun dia tak boleh buat apa-apa," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sekiranya Britain hendak mengundurkan tenteranya dari Bosnia, mereka tidak seharusnya menyekat tentera-tentera dari negara lain yang mahu mengambil tempat mereka dengan menggunakan alasan agama dan lain-lain.

"Saya ingat perkara yang terpenting sekali ialah memberi peluang kepada orang Bosnia mendapat bekalan senjata yang secukupnya dan memberi sedikit masa kepada mereka supaya dapat melatih diri untuk mempertahankan diri. Itu hak mereka mengikut dasar Piagam Bangsa-bangsa Bersatu," katanya.

"Mana-mana bangsa juga berhak untuk mempertahankan diri. Kalau kita tidak beri mereka hak mempertahankan diri dan kita pula tidak mahu mempertahankan keselamatan mereka, nampaknya teraniayalah (mereka)," katanya. -- Lagi

▼20/05/20-27MST

CNS4643

U GB 20-05 00095 BH940

aab

Mahathir - Kedutaan 5 (Akhir) Alor Setar

Menurut Dr Mahathir sekiranya negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sanggup, mereka boleh menggantikan tempat Britain.

"Saya harap kalau mereka tarik balik (tenteranya), sekurang-kurangnya PBB akan menyokong penggantian oleh negara-negara lain.

"Jangan pula orang tarik balik, PBB pun tarik balik... tak mahu sokong dan mendedahkan orang Bosnia untuk di sembelih oleh orang Serb, seolah-olah PBB ikut perintah dan ikut arahan orang lain. Kalau macam itu, saya ingat tak ada gunalah ada PBB," katanya. -- Bernama

KHY BAK SIA